



Temubual Bersama Funatsu Takeshi, Ketua Jurutera R&D M7

Sekali dengan pelancaran premis baru Mutiara Motors di Larkin baru-baru ini, yang termasuk tapak penyelidikan ASEAN bagi M7, kami telah mengambil peluang menemui Funatsu Takeshi, Ketua Jurutera R&D M7 Japan secara eksklusif.

Funatsu Takeshi pada mulanya telah menyertai Trust Co. Ltd sebagai jurutera R&D pada tahun 1994, dimana dia telah ditugaskan kepada perkembangan produk-produk terkemuka Trust seperti profec-B dan GReddy E-Manager. Beliau juga pemilik FNATZ Profesional Garage, sebuah bengkel terkemuka di Tokyo, yang telah ditubuhkan pada tahun 2001. Tambahan pula, jasa FNATZ membantu Daigo Saito menjuarai D1GP 2008 di Jepun, bawah pasukan My Brans with FNATZ.

SHIFT (SH): Takeshi-san, sebagai Ketua Jurutera R&D M7, berapa lamakah masa yang diambil bagi membangunkan barisan produk M7 yang kini?

Funatsu Takeshi (FT): Proses tersebut hanya mengambil kami masa tiga bulan, dari April hingga Jun. Kami percaya bahawa kepantasan dalam menghasilkan produk dapat meningkatkan peluang kami di pasaran.

SH: Dan bagaimana pula dengan rekaan produk-produk M7. Adakah ia semua rekaan baru atau diasaskan dari produk Trust dan GReddy?

FT: Ia semuanya produk yang baru, walau bagaimanapun terdapat juga beberapa produk yang diasas berdasarkan rekaan pesaing kami, dimana ianya telah dipertingkatkan lagi supaya bersesuaian dengan permintaan pasaran.

SH: Begitu rupanya, tetapi tentunya kamu mempunyai ramai kakitangan bagi menepati

jangka masa yang begitu singkat.

FT: Tidak begitu juga. Kami hanya mempunyai seramai 7 orang bekerja di cawangan Jepun manakala cawangan M7 di Malaysia mempunyai seramai 10 orang pekerja. Fokus utama cawangan M7 di Jepun adalah untuk menghasilkan produk bagi kenderaan pasaran domestik Jepun, dan di Malaysia pula kami menghasilkan produk bagi kenderaan pasaran ASEAN.

SH: Bolehkan Takeshi-san terangkan kepada kami mengenai produk-produk M7 baru yang kini masih dalam peringkat pembangunan?

FT: Pada masa kini, kami dalam usaha mengeluarkan M7 EM-CON, sebuah ECU universal jenis piggyback yang dapat digunakan pada pelbagai jenis kereta. Beserta itu juga kami dalam proses menghasilkan alat-alat ganti berprestasi tinggi dan dalam usaha menangani masalah pepadanan dengan sistem CANBUS yang sedia ada pada kebanyakan kereta masa kini

SH: Pihak manakah yang akan mengeluarkan turbocharger bagi M7?

FT: Pada masa kini, pilihan kami terletak diantara Mitsubishi atau KKK. Pilihan muktamad pada penghujung hari bergantung kepada syarikat pengeluar yang dapat membekalkan kami dengan turbo yang lebih berprestasi supaya bersesuaian dengan keperluan kami.

SH: Bagaimana pula dengan masa hadapan M7? Adakah fokus utama syarikat ini terletak pada jentera berkuasa turbo sahaja?

FT: Dalam pendapat saya, ragam sebegitu tidak akan membantu perkembangan syarikat dan oleh itu kami akan mengeluarkan produk bagi pelbagai jentera dalam masa terdekat. Beserta itu juga, kami akan berusaha mengeluarkan

produk berprestasi tinggi bagi jentera N/A dan turbo seperti 'camshaft', sistem suspensi dan sistem brek.

SH: Akhir sekali, bagaimanakah sambutan pasaran Jepun terhadap produk M7?

FT: Produk kami hanya akan dijual di Jepun mulai bulan September melalui Super Autobacs, jadi pada masa kini saya masih tidak pasti tentang sambutannya. Walau bagaimanapun kami berpendapat bahawa beberapa produk M7 seperti M7 EBC Electronic Boost Controller dan M7 Throttle Controller akan mendapat sambutan laris.

SH: Terima kasih dan semoga berjaya!

FT: Terima kasih! **SHIFT**

